

## MUIP sedia bantuan bencana kepada penduduk kena PKPD

Mohd Rafi Mamat  
am@metro.com.my



DR Asmadi (kanan) mengagihkan bantuan keperluan asas kepada penduduk dalam kawasan PKPD di Pekan. FOTO MOHD RAFI MAMAT

Pekan: Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) menyediakan bantuan bencana kepada 2,500 ketua isi rumah (KIR) di 13 lokaliti berikutan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di daerah ini, bermula semalam.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Baitulmal dan Operasi) MUIP, Dr Asmadi Abdul Rahman berkata, bantuan berupa keperluan asas bernilai RM125,000 diagihkan secara berperingkat selama tiga hari, bermula kelmarin.

Beliau berkata, bantuan diberikan bagi meringankan beban penduduk di kawasan terbabit yang tidak dibenarkan keluar dari kampung serta taman perumahan tempat tinggal mereka bagi mengelak sebarang kemungkinan berikutan wabak Covid-19.

Menurutnya, bantuan keperluan asas diberikan seperti beras, minyak masak, tepung, gula, kicap, sos, susu, kopi, biskut dan bihun.

"Terdapat kira-kira 12,000 penduduk di 13 lokaliti berkenaan yang kini tidak dibenarkan keluar dari kawasan penempatan mereka melainkan kes tertentu.

"Penyelarasan bantuan berkenaan ialah Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) daerah Pekan yang turut dianggotai lapan agensi berkaitan," katanya selepas turut sama mengagihkan bantuan berkenaan.

Hadir sama, Pengurus MUIP Cawangan Pekan, Muhammad Hafidz Abdul Halim.

Beliau berkata, bantuan diberikan itu diharap dapat meringankan beban penduduk setempat yang pastinya tertekan apabila tidak dapat keluar dari kampung dan taman perumahan mereka.

Antara perumahan terbabit dengan PKPD ialah Taman Peramu Permai, Perumahan Universiti Malaysia Pahang (UMP), Kwarters Guru Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Pekan, Kwarters Guru Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan Kwarters Guru Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Tun Abdul Razak (INSTAR).

Turut terbabit, Perumahan Komuniti 1 Malaysia, Perumahan Taman Perdana, Taman Sepekan Makmur, Taman Mentiga Jaya, Perumahan Peramu Jaya, Taman Mentiga Jaya dan Kampung Pulau Serai.

Penduduk Perumahan Pulau Serai, Musa Mohd Rezali, 64, berkata, bantuan disediakan MUIP dapat meringankan dia sekeluarga terutama apabila tidak dapat keluar ke kedai bagi mendapatkan bekalan makanan.

"Saya kini memakai gelang putih selepas mendapat pemeriksaan di klinik, kini saya terpaksa berkurung dalam rumah selama 10 hari.

"Ini semua ujian Yang Maha Esa bagi menguji kesabaran saya dan penduduk setempat, kami semua kini tidak boleh bebas," katanya yang juga pesara Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP).